

KERTAS

1


Soalan Objektif

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.

Kenali Bahan Buangan

- 1 Antara yang berikut, yang manakah merupakan bahan buangan organik?
- A** Botol plastik **C** Bekas logam
B Cawan kaca **D** Sisa makanan

- 2 Antara yang berikut, yang manakah merupakan sisa toksik?



- 3 Rajah 1 menunjukkan sebatang jalan raya di bandar.



Rajah 1

Antara bahan buangan berikut, yang manakah dihasilkan dalam situasi di atas?

- A** Sisa makanan **C** Sisa toksik
B Kertas **D** Bahan kumuh
- 4 Antara yang berikut, yang manakah yang benar?

	Sumber	Bahan buangan
A	Domestik	Kertas, asap
B	Kilang	Gas beracun, asap
C	Pasar	Logam, plastik
D	Ladang	Racun, minyak


- 5 Rajah 2 menunjukkan sebuah pasar.



Rajah 2

Jenis bahan buangan yang manakah boleh didapati di pasar?

- A** Cat
B Gas toksik
C Asap kenderaan
D Hampas sayuran
- 6 Antara bahan buangan berikut, yang manakah tidak datang dari sumber yang sama?
- A** Bekas plastik
B Tin aluminium
C Gas beracun
D Surat khabar lama
- 7 Rajah 3 menunjukkan beberapa bahan buangan.




Rajah 3

Apakah **P** dan **Q**?

	P	Q
A	Kertas	Bahan kumuh
B	Hampas sayuran	Asap kenderaan
C	Besi buruk	Tinja
D	Bahan kumuh	Detergen

Terbiodegradasikan atau Tidak?


- 8 Antara bahan buangan berikut, yang manakah merupakan bahan buangan terbiodegradasikan?



- 9 Antara yang berikut, yang manakah yang benar?

	Bahan buangan terbiodegradasikan	Bahan buangan tidak terbiodegradasikan
A	Bekas logam	Bekas kaca
B	Sisa makanan	Kertas
C	Kotak plastik	Tayar
D	Sisa tulang	Tin minuman

- 10 Rajah 4 menunjukkan beberapa bahan buangan.



Rajah 4


Bahan buangan yang manakah tidak akan mereput walaupun ditanam selama bertahun-tahun?

- A W C Y
B X D Z

- 11 Antara hidupan berikut, yang manakah boleh menyebabkan bahan buangan mereput?

- A Bakteria C Cacing
B Semut D Tikus

- 12 Rajah 5 menunjukkan dua kumpulan bahan buangan.



Rajah 5

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Tin	Lampin pakai buang
B	Kayu	Beg plastik
C	Kulit pisang	Surat khabar
D	Tayar	Botol kaca

Hargai Bumi Kita

- 13 Rajah 6 menunjukkan cara pelupusan bahan buangan yang betul.



Rajah 6


Apakah yang akan berlaku jika bahan buangan tidak dilupuskan dengan cara yang betul?

- A Banjir kilat
B Hakisan tanah
C Pencemaran air
D Penyakit berjangkit

- 14 Antara yang berikut, yang manakah akan berlaku jika sampah dibuang terus ke dalam longkang secara berterusan?

- A Hujan asid
B Tanah runtuh
C Pencemaran udara
D Banjir kilat

- 15 Rajah 7 menunjukkan air bertakung dalam sampah yang dibuang.



Rajah 7

Apakah penyakit yang boleh disebarkan daripada situasi ini?

- A Demam denggi
- B Tibi
- C Campak
- D Kudis buta

Amalan Pengurusan Bahan Buangan

- 16 Antara yang berikut, yang manakah merupakan cara pelupusan bahan buangan yang terancang?
- A Membuang sampah ke dalam sungai
 - B Membuang sisa kimia ke dalam hutan
 - C Mengalirkan bahan buangan dari kilang terus ke sungai
 - D Asingkan bahan buangan mengikut jenis sebelum membuangnya
- 17 Rajah 8 menunjukkan bahan buangan yang didapati dari dapur Puan Hasnah.

Klon UPSR 18

K
B
A
T



Rajah 8


Apakah cara yang terbaik untuk menguruskan sampah yang ditunjukkan di atas?

- A Kitar semula sampah itu
- B Bakar sampah di halaman rumah
- C Buang sampah ke dalam longkang
- D Tanam sampah di dalam lubang yang besar

- 18 Antara yang berikut, yang manakah adalah cara yang betul untuk melupuskan sisa kimia?

- A Salirkan ke dalam sungai
- B Buang ke tempat pelupusan sampah
- C Tanam ke dalam tanah
- D Kumpulkan ke dalam bekas khas

- 19 Antara yang berikut, yang manakah boleh digunakan untuk membuat kompos?



- 20 Antara yang berikut, yang manakah **bukan** cara untuk menambahbaik pelupusan bahan buangan?

- A Bahan buangan organik boleh dijadikan kompos
- B Guna semula dan kitar semula bahan buangan
- C Buang semua bahan buangan ke dalam tong sampah tanpa melakukan pengasingan
- D Bawa sendiri beg plastik apabila pergi membeli-belah

Pengurusan Bahan Buangan Secara Terancang

- 21 Antara yang berikut, yang manakah **bukan** merupakan cara pelupusan bahan buangan secara terancang oleh pihak berkuasa tempatan?

- A Bahan buangan dihantar ke tapak pelupusan
- B Bahan buangan dibakar di dalam insinerator
- C Bahan buangan diasingkan di pusat pelupusan sampah
- D Bahan buangan dibakar secara terbuka